

MODUL AKHLAK 2

Pra Diploma Pengajian Islam (PPI)

MINGGU 2

JENIS-JENIS HATI

Objektif

Di akhir sesi, pelajar dapat:

- Menerangkan definisi hati yang sihat, hati yang mati dan hati yang sakit
- Menjelaskan tanda-tanda hati yang sihat, hati yang mati dan hati yang sakit
- Menerangkan perkara-perkara yang merosakkan hati dan yang menghidupkannya

Kandungan

- ▣ Hati yang sihat
- ▣ Hati yang mati
- ▣ Hati yang sakit
- ▣ Perkara-perkara yang merosakkan hati
- ▣ Perkara-perkara yang menghidupkan hati

Hati Yang Sehat

- ▣ Definisi hati yang sehat
- ▣ Tanda-tanda hati yang sehat

Definisi hati yang sihat

- Hati yang bersih dan selamat
- Dalam al-Quran, Allah gunakan kalimah “*qalbun salim*” yang bermaksud hati yang sihat, hati yang bersih atau hati yang selamat.

■ (لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَمَةِ - وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ)

-)Nay! I swear by the Day of Resurrection.And nay! I swear by An-Nafs Al-Lawwamah.) Qatadah said, "This means, I swear by both of these things." This has also been reported from Ibn `Abbas and Sa`id bin Jubayr. Concerning the Day of Judgement, it is well known what it is.
- In reference to *An-Nafs Al-Lawwamah*, Qurrah bin Khalid reported from Al-Hasan Al-Basri that he said about this Ayah, "Verily, by Allah, we think that every believer blames himself.

- He says (questioning himself), 'What did I intend by my statement What did I intend by my eating What did I intend in what I said to myself' However, the sinner proceeds ahead and he does not blame himself.

- Ibn Jarir recorded from Sa`id bin Jubayr that he said concerning Allah's statement,

■ (وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ)

-)And nay! I swear by An-Nafs Al-Lawwamah)
"He criticizes himself in good and bad." Similar has been reported from `Ikrimah. Ibn Abi Najih reported from Mujahid: "He is sorry for what he missed (of good deeds) and he blames himself for it

Definisi hati yang sihat

Allah s.w.t. berfirman:

“(laitu) di hari qiyamat nanti, harta dan anak-anak lelaki tidak lagi berguna kecuali orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang bersih.”

al-Syua'ara: 88-89

Tanda-tanda hati yang sihat

1. Takut kepada Allah
2. Sabar
3. Qana'ah
4. Warak
5. Tawaduk

I. Takut kepada Allah

- Takut terhadap ancaman Allah
- Takut sekiranya ditolak segala amal kebajikannya
- Takut sekiranya tidak memperoleh petunjuk dan rahmatNya

Takut terhadap ancaman Allah

- Takut melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah kerana sedar akan ancaman atau balasan Allah
- Firman Allah:
“Mereka takut kepada Tuhan mereka yang di atas mereka dan melaksanakan apa yang diperintahkan (kepada mereka).” al-Nahl: 50

Takut sekiranya ditolak amalnya

- Seseorang itu takut sekiranya amal kebajikan yang dilakukannya kurang sempurna dan tidak diterima Allah.
- Firman Allah:
“Dan apa saja kebajikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.”

al-Baqarah: 215

Takut sekiranya tidak peroleh rahmatNya

- Seseorang itu takut sekiranya ia tidak mendapat petunjuk Allah s.w.t. akibat amalannya yang kurang sempurna.
- Firman Allah:
“Tunjukilah kami jalan yang lurus (iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.” al-Fatihah: 6-7

Tanda-tanda orang yang mempunyai hati yang takut kepada Allah

- Orang yang gementar hatinya dan bertambah kuat imannya apabila mendengar bacaan al-Quran.
- Orang yang mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan membelanjakan sebahagian rezekinya ke jalan Allah.
- Orang-orang yang menjaga diri dan keluarganya dari segala larangan Allah.

Tanda-tanda orang yang mempunyai hati yang takut kepada Allah

- Orang yang taat kepada Allah dan RasulNya.
- Orang yang ingat kepada Allah dan mensyukuri segala nikmatNya.
- Orang yang menyerahkan segala urusan hidupnya kepada Allah.
- Orang yang sentiasa bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah.

2. Sabar

- Hati yang dapat membentuk keyakinan orang yang beriman dalam menangani kehidupan yang penuh cabaran dan ujian.
- Tahan menerima penderitaan yang tidak disenangi dengan reda dan menyerahkan diri kepada Allah.

2. Sabar

- ▣ Sabar dalam ibadah
- ▣ Sabar dengan ujian Allah
- ▣ Sabar terhadap maksiat
- ▣ Sabar dalam perjuangan
- ▣ Sabar terhadap pengaruh kehidupan duniawi

3. Qana'ah

- Jiwa yang berasa lapang dengan rezeki yang diberikan Allah kepadanya.
- Tidak tamak terhadap apa yang tidak tercapai olehnya.

3. Qana'ah

Tanda-tanda qana'ah

- Menerima dengan rela apa yang ada
- Memohon kepada Allah tambahan yang baik dan disertai dengan usaha dan ikhtiar
- Menerima dengan sabar segala ketentuan Allah
- Bertawakal kepada Allah
- Tidak terpedaya dengan kemewahan dunia

4. Warak

- Memelihara lisan dari mengumpat
- Memelihara pandangan mata dari yang haram
- Menghindarkan diri dari buruk sangka
- Tidak menghina atau merendahkan derajat orang lain
- Sentiasa mengingati nikmat dan memanfaatkan dengan sebaik-baiknya
- Sentiasa memelihara solat dan khusyuk mengerjakannya

5. Tawaduk

- ▣ Tawaduk kepada Allah
- ▣ Tawaduk kepada sesama Muslim

Hati Yang Mati

- ▣ Definisi hati yang mati
- ▣ Tanda-tanda hati yang mati

Definisi hati yang mati

- Hati yang tiada cahaya kehidupan di dalamnya.
- Hati yang mengutamakan hawa nafsu dan kelazatannya, walaupun dengan cara itu ia akan dimurkai dan dibenci oleh Allah.

Tanda-tanda hati yang mati

1. Fitnah
2. Zalim
3. Dusta
4. Marah
5. Mengumpat

I. Fitnah

Firman Allah dalam al-Quran:

“Dan fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan.” al-Baqarah: 191

2. Zalim

Firman Allah dalam al-Quran:

“Dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) mengira bahawa Allah lalai drpd apa yang diperbuat oleh orang-orang yg zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguhan masa kpd mereka sampai hari yg pada waktu itu mata (mereka) terbelalak. Mereka datang bergegas-gegas memenuhi panggilan dgn mengangkat kepala sedang mata mereka tidak berkedip-kedip dan hati mereka kosong.” Ibrahim: 42 - 43

2. Zalim

- ▣ Zalim terhadap Allah s.w.t.
- ▣ Zalim terhadap sesama manusia
- ▣ Zalim terhadap diri sendiri

3. Dusta

Sabda Rasulullah s.a.w.:

“Takutlah kamu terhadap sangkaan kerana sesungguhnya sangkaan itu ialah sedusta-dusta pembicaraan.” (HR. Muttafaqun ‘alaih)

4. Marah

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi s.a.w., “Berilah aku wasiat.” Baginda bersabda, “Jangan marah.” Baginda mengulanginya berkali-kali. Baginda bersabda, “Jangan marah.” (HR. Bukhari)

4. Marah

Apakah perkara-perkara yang menyebabkan sifat marah? Sebutkan 10 perkara.

4. Marah

Menurut Imam al-Ghazali, sifat marah disebabkan 10 perkara iaitu:

1. Rasa bangga diri
2. Takjub kepada diri sendiri
3. Suka bergurau-senda yg melampaui batas
4. Suka bercakap perkara yg sia-sia
5. Suka membuat fitnah

4. Marah

Menurut Imam al-Ghazali, sifat marah disebabkan 10 perkara iaitu:

6. Suka berbantah-bantah dlm sesuatu perkara
7. Berkhianat
8. Tamak kpd harta dan pangkat
9. Tidak dapat mengendalikan nafsu dan emosi
10. Dengki dan iri hati

5. Mengumpat

Firman Allah dalam al-Quran:

“Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu menggunjing sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya...” al-Hujurat: 12

5. Mengumpat

Nyatakan sebab-sebab yang boleh mendorong seseorang untuk mengumpat.

5. Mengumpat

Di antara sebab-sebabnya ialah:

- ▣ untuk memuaskan hati yg sedang marah
- ▣ bergurau senda yang berlebihan
- ▣ menunjuk-nunjuk kelebihan diri sendiri
- ▣ perasaan hasad dengki terhadap orang lain
- ▣ perasaan sombong dalam diri

6. Mungkir janji

Firman Allah:

“...dan penuhilah janji, sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungan jawabnya.” al-Israk: 34

Hati Yang Sakit

- ▣ Definisi hati yang sakit
- ▣ Tanda-tanda hati yang sakit

Definisi hati yang sakit

- Hati yang tidak mengenali Tuhannya dan tidak menyembahNya sesuai dengan perintahNya

Tanda-tanda hati yang sakit

1. Hasad dengki
2. Sombong
3. Riak
4. Bakhil
5. Ujub

I. Hasad dengki

Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Hendaklah kamu menjauhi sifat dengki. Sesungguhnya sifat dengki itu memakan (menghapuskan) kebaikan sebagaimana api memakan (menghapuskan) kayu bakar.”

(HR.Abu Daud)

2. Ujub

Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Tiga hal yang membinasakan iaitu kekikiran yang dipatuhi, hawa nafsu yang dituruti dan kekaguman seseorang terhadap dirinya sendiri.”

(HR. Abu Daud)

3. Sombong

Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Tidak akan masuk syurga orang yang di dalam hatinya ada sifat sombong walaupun seberat sebutir bijian (yang halus).” (HR. Muslim)

4. Riak

Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Sesuatu yang aku khawatirkan di antara kamu ialah syirik kecil.” Lalu ditanyakan oleh sahabat, “Apakah syirik kecil itu, ya Rasulullah?” Baginda bersabda, “ Ia adalah riak.” (HR.Ahmad dan Baihaqi)

4. Riak

Berikan contoh-contoh perbuatan riak.

5. Bakhil

Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Takutlah terhadap kezaliman, sesungguhnya kezaliman itu kegelapan di hari kiamat. Takutlah kepada kebakhilan, sesungguhnya kebakhilan itu telah memusnahkan umat sebelum kamu.”

(HR. Muslim)

Perkara-Perkara Yg Merosakkan Hati

- ▣ Makan dan minum yg haram
- ▣ Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan
- ▣ Cinta terhadap harta
- ▣ Jauh drpd mengingati Allah
- ▣ Meninggalkan perintah Allah dan mengerjakan laranganNya

Perkara-Perkara Yg Menghidupkan Hati

- ▣ Mengingati Allah
- ▣ Membaca al-Quran
- ▣ Mendirikan solat
- ▣ Mengawasi diri
- ▣ Bersungguh-sungguh
- ▣ Muhasabah diri

Perbincangan Berkumpulan



Perbincangan Berkumpulan

Pilih dua topik:

- Satu topik dari kategori A dan bincangkan bagaimana ia boleh merosakkan hati
- Satu topik dari kategori B dan bincangkan bagaimana ia boleh menghidupkan hati

A

1. Makan dan minum yg haram
2. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan
3. Cinta terhadap harta
4. Jauh drpd mengingati Allah
5. Meninggalkan perintah Allah dan mengerjakan laranganNya

B

1. Mengingati Allah
2. Membaca al-Quran
3. Mendirikan solat
4. Mengawasi diri
5. Bersungguh-sungguh
6. Muhasabah diri

Rumusan

JENIS HATI	DEFINISI	TANDA-TANDA
HATIYG SIHAT	Hati yg bebas dari segala sifat-sifat keji dan keinginan melanggar perintah dan larangan Allah	Takut kpd Allah, sabar, qana'ah, warak dan tawaduk
HATIYG MATI	Hati yg tidak mengenali Tuhan dan tidak menyembahNya sesuai dgn perintahNya	Fitnah, zalim, dusta, marah dan mengumpat
HATIYG SAKIT	Hati yang cenderung kepada menuruti hawa nafsu	Hasad dengki, sombong, riak, bakhil dan ujub

Rumusan

PERKARA YG MEROSAKKAN HATI	PERKARA YG MENGHIDUPKAN HATI
❑ Makan dan minum yg haram ❑ Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan ❑ Cinta terhadap harta ❑ Jauh drpd mengingat Allah ❑ Meninggalkan perintah Allah dan mengerjakan laranganNya	❑ Mengingati Allah ❑ Membaca al-Quran ❑ Mendirikan solat ❑ Mengawasi diri ❑ Bersungguh-sungguh ❑ Muhasabah diri